

Sujud Tilawah

Ialah sujud ketika membaca atau mendengar orang lain membaca ayat-ayat yang tertentu dalam Al-Qur'an. Ia juga dikenali dengan *Sujud Sajdah*.

Apabila seseorang itu bersolat jamaah, Imam pula sujud ketika membca ayat sajdah, maka para makmum hendaklah sujud bersama-sama imam.

Pada kebiasaannya, Imam akan membaca Surah Sajdah dalam solat Subuh.

Sujud Tilawah Di Dalam Solat

1. Apabila membaca ayat Sajdah, angkat takbir dan terus sujud tanpa rukuk
2. Bacalah doa ini ketika sujud: Sajadah waj-hii li-ladzii khalaqahu wasau-warahu wasyaq-qah sam'ahu wa basarahu bihaulihii wa quw-watihi.

Maksudnya: “Telah sujud mukaku kepada Tuhan yang menciptanya, dengan merupakan dan melubangi pendengaran dan penglihatannya, dengan daya upaya dan kekuatan Allah.”

Sujud Tilawah Di Dalam Solat

3. Bangkit berdiri semula, sambil membaca takbir
4. Menyambung semula pembacaan surat Sajdah. Setelah selesai, barulah rukuk, dan menyelesaikan solatnya hingga selesai.

Sujud Tilawah Di Luar Solat

1. Suci badan dari dua hadas dan suci pakaian dari najis
2. Menghadap qiblat.
3. Menutup aurat
4. Berniat: *“Sahaja aku mengerjakan sujud tilawah kerana Allah Ta’ala”*

Sujud Tilawah Di Luar Solat

5. Membaca *takbiratul ihram* dalam keadaan berdiri atau duduk, sambil mengangkat tangan
6. Sujud sekali sambil membaca: Sajadah waj-hii li-ladzii khalaqahu wasau-warahu wasyaq-qah sam'ahu wa basarahu bihaulihii wa quw-watihi.

Maksudnya: “Telah sujud mukaku kepada Tuhan yang menciptanya, dengan merupakan dan melubangi pendengaran dan penglihatannya, dengan daya upaya dan kekuatan Allah.”

Sujud Tilawah Di Luar Solat

7. Setelah membaca tasbih, sambil bertakbir bangkit duduk tawarruk
8. Memberi salam ke kanan dan ke kiri

DOA QUNUT RINGKAS

Allah hum-maghfir lii yaa ghafuur

Maksudnya: Ya Allah, ampunkan aku, wahai yang Maha Pengampun

Sujud Sahwi

Apa itu Sujud Sahwi

Sujud Sahwi:

Ialah sujud dua kali sebelum salam, kerana terlupa, tertinggal atau syak sesuatu didalam solat

Perkara-Perkara Yang Disunnatkan Sujud Sahwi

1. Meninggalkan sesuatu dari Sunnat Aba'adh, dengan secara lupa atau sengaja.
2. Ragu-ragu tentang sunnat Aba'adh.
3. Membaca rukun **qauli**, bukan ditempatnya.
4. Melakukan sesuatu kerana lupa.
5. Syak tentang bilangan rakaat.

Cara Dan Bacaannya

Sujud dua kali sebelum memberi salam

Bacaan dalam sujud sahwī:

**Subhaana man laa yanaa-mu wa laa
yas-huu**

Artinya: “Maha suci Allah yang tidak tidur dan lupa”.

Bacaan Ketika Duduk Diantara Dua Sujud

**Rabighfir warham wa anta khairur
raa-himiin**

*Maksudnya: “ Wahai Tuhanku, ampunilah aku dan
kurniakan aku rahmat. Sesungguhnya Engkau
Maha Pengasih.”*

Catatan: Sujud Syukur

Sujud Syukur:

Hanya sekali sujud sahaja. Ia disunnatkan diluar solat sahaja, ketika seseorang itu dapat nikmat atau terhindar dari merbahaya.

Rukun dan syarat Sujud Syukur sama sahaja dengan Sujud Tilawah / Sajdah.